

TERMA & SYARAT

Kempen *Revive Restore Retain* dan *Stay Protected* ini ("Kempen ini") adalah dianjurkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN"). PruBSN ialah pengendali Kempen ini. Dengan menyertai Kempen ini, para Peserta dianggap telah memahami dan bersetuju sepenuhnya untuk tertakluk dengan semua terma dan syarat yang dinyatakan.

1. Kelayakan

- a) Kempen *Revive Restore Retain*: Hanya Sijil yang luput dari 1 Disember 2021 sehingga 31 Mei 2022 yang layak untuk menyertai kempen ini. Kempen ini terbuka untuk sijil yang tiada sebarang tuntutan dan tiada rekod LIAM yang substandard.
- b) Kempen *Stay Protected*: Hanya Sijil dengan Tarikh Sumbangan Semasa (*Paid to Date*) pada dan sebelum 1 Julai 2022 yang layak untuk menyertai kempen ini.

Kakitangan PruBSN (kakitangan tetap, sementara dan kontrak) serta ahli keluarga terdekat mereka, Ejen, dan rakan kerjasama Prudential adalah dikecualikan daripada Kempen *Revive Restore Retain* dan *Stay Protected* dan turut juga dikecualikan daripada *Early Bird Rezeki Draw 1*, *Early Bird Rezeki Draw 2* dan *Final Rezeki Draw*.

2. Tempoh Kempen

Kempen-kempen ini akan bermula pada tarikh berikut:

- a) Bermula dari 1 Julai 2022 dan berakhir pada 26 September 2022.

PruBSN berhak untuk meminda Tempoh Kempen pada bila-bila masa sahaja tanpa memberi sebarang notis atau sebab.

3. Ganjaran Kempen dan Pemenang

- a) *Early Bird Rezeki Draw* adalah ganjaran bagi **Kempen *Revive Restore Retain* dan *Stay Protected***.

<i>Rezeki Draw</i>	<i>Revive Restore Retain dan Stay Protected</i>
<p><i>Rezeki Draw 1</i> pada bulan Ogos 2022</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembayaran/Penguatkuasaan Semula Sijil pada bulan Julai 2022 • Pembayaran dibuat sehingga sumbangan semasa pada bulan Julai 2022 	5 unit x iPhone 13
<p><i>Rezeki Draw 2</i> pada bulan September 2022</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembayaran/Penguatkuasaan Semula Sijil pada bulan Ogos 2022 • Bayaran dibuat sehingga sumbangan semasa pada bulan Ogos 2022 	5 unit x iPhone 13

- b) *Early Bird Rezeki Draw 1*: Jika pembayaran dibuat dan/atau sijil dikuatkuasakan semula pada bulan Julai 2022, Peserta sijil berkenaan layak untuk menyertai *Rezeki Draw 1*. Pembayaran

secara eletronik (e-pembayaran) perlu diteruskan atau Peserta perlu mendaftar untuk e-pembayaran semasa Tempoh Kempen dan membuat pembayaran sumbangan sehingga bulan Julai 2022 pada bulan Ogos 2022 (Tarikh Sumbangan Semasa ialah pada bulan Ogos 2022). Terhad kepada satu (1) ganjaran untuk setiap Peserta.

- c) *Early Bird Rezeki Draw 2*: Jika pembayaran dibuat dan/atau sijil dikuatkuasakan semula pada bulan Ogos 2022, Peserta sijil berkenaan layak untuk menyertai *Rezeki Draw 2*. Pembayaran secara eletronik (e-pembayaran) perlu diteruskan atau Peserta perlu mendaftar untuk e-pembayaran semasa Tempoh Kempen dan membuat pembayaran sumbangan sehingga bulan Ogos 2022 pada bulan September 2022 (Tarikh Sumbangan Semasa ialah pada bulan September 2022). Terhad kepada satu (1) ganjaran untuk setiap Peserta.

- d) *Final Rezeki Draw*: Terbahagi kepada 3 kategori:

Pelanggan - Peringkat 1 (Untuk Kempen <i>Revive Restore Retain & Stay Protected</i>)	Pelanggan - Peringkat 2 (Hanya untuk Kempen <i>Revive Restore Retain</i>)	Ejen (Hanya untuk Kempen <i>Revive Restore Retain</i>)
1. Hadiah Utama: Kereta (Persona) 2. 5 x Pakej Pelancongan Tempatan untuk dua orang 3. 5 unit x iPhone 13 Pro 4. 6 unit x 50" TV Panasonic	1. 6 unit x iPad 2. 5 unit x iPhone 13 3. 30 x Kad TouchNGo (bernilai RM100) 4. 30 x Kad TouchNGo (bernilai RM50)	1. 10 unit x Apple's iPad

- e) **Kempen *Revive Restore Retain***: Sijil adalah layak untuk menyertai *Final Rezeki Draw* sekiranya sijil tersebut dikuatkuasakan semula dan pembayaran melalui e-pembayaran diteruskan atau pendaftaran debit terus atau kad kredit/debit secara sumbangan berulang dibuat semasa Tempoh Kempen. Untuk *Rezeki Draw* Peringkat 1, sumbangan perlu dibayar sehingga November 2022 (Tarikh Sumbangan Semasa ialah pada bulan Disember 2022) dan pembayaran perlu dibuat selewat-lewatnya pada 30 November 2022.
- f) **Kempen *Stay Protected***: Sijil adalah layak untuk menyertai *Final Rezeki Draw* Peringkat 1 sekiranya kesemua bayaran sumbangan tertunggak diterima dan pembayaran melalui e-pembayaran diteruskan atau pendaftaran debit terus atau kad kredit/debit secara sumbangan berulang dibuat semasa Tempoh Kempen. Sumbangan perlu dibayar sehingga bulan November 2022 (Tarikh Sumbangan Semasa ialah pada bulan Disember 2022) dan pembayaran perlu dibuat selewat-lewatnya pada 30 November 2022.
- g) *Rezeki Draw* untuk ejen: Ejen adalah layak untuk menyertai *Rezeki Draw* untuk ejen sekiranya sijil telah dikuatkuasakan semula dan pembayaran melalui e-pembayaran diteruskan atau pendaftaran debit terus atau kad kredit/debit secara sumbangan berulang dibuat semasa Tempoh Kempen. Sijil perlu kekal aktif pada 31 Disember 2022 tanpa rekod luput dan tarikh sumbangan semasa adalah sebelum dan/atau bukan sebelum 31 Disember 2022. Sekiranya sijil luput selepas dikuatkuasakan semula sehingga 31 Disember 2022, penyertaan ejen akan dibatalkan. Terhad kepada satu (1) ganjaran untuk setiap ejen.
- h) Sijil perlu kekal aktif tanpa rekod luput sehingga bulan Disember 2022.
- i) Pihak PruBSN berhak untuk menggantikan ganjaran mengikut budi bicaranya dengan ganjaran lain yang sama nilainya tanpa sebarang notis awal kepada Peserta.

- j) Ganjaran yang dimenangi tidak boleh dipindahmilik, tidak boleh dipulangkan untuk pembayaran semula dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai atau dalam bentuk lain, melainkan dinyatakan sebaliknya.
- k) Pemilihan nama-nama pemenang yang ditentukan oleh pihak PruBSN adalah muktamad, konklusif dan tetap.
- l) Para pemenang akan dipilih secara rawak dengan menggunakan *online name randomiser*. Keputusan pemenang (termasuk nama penuh dan 3 digit terakhir telefon bimbit/nombor kad pengenalan) akan diumumkan di Laman Web Korporat PruBSN.
- m) Peserta yang layak hanya boleh memenangi satu (1) kali sahaja untuk kategori *Early Bird Draw* 1, 2 dan *Final Rezeki Draw*. Jika Peserta telah dipilih sebagai pemenang untuk Peringkat 1, Peserta tidak layak untuk menyertai *Rezeki Draw* yang seterusnya.

4. Mekanisme Kempen

- a) SMS akan dihantar kepada Peserta yang layak.
- b) Senarai Peserta dan sijil yang layak akan tersedia di dalam TakafulNet.
- c) **Kempen *Revive Restore Retain***: Bayaran sumbangan minimum adalah sebanyak 1 bulan atau 1 kali sumbangan untuk kuatkuasa semula sijil semasa Tempoh Kempen. Setelah sijil berkuatkuasa, Peserta akan menerima pengesahan melalui SMS dan Peserta perlu mendaftar untuk debit terus atau kad kredit/debit secara sumbangan berulang melalui portal pelanggan PruBSN Touch (app.prubsn.com.my/PruBSNTouch).
- d) **Kempen *Stay Protected***: Semua sumbangan tertunggak perlu dibayar semasa Tempoh Kempen. Peserta perlu mendaftar untuk debit terus atau kad kredit/debit secara sumbangan berulang melalui portal pelanggan PruBSN Touch (app.prubsn.com.my/PruBSNTouch).
- e) Borang permohonan adalah tidak diperlukan untuk penguatkuasaan semula.
- f) Tawaran hanya sah untuk penguatkuasaan semula buat pertama kali semasa Tempoh Kempen sahaja.
- g) SMS akan dihantar kepada Peserta untuk sijil yang telah berkuatkuasa.

5. Penafian

- a) Dengan menyertai Kempen ini, setiap Peserta bersetuju bahawa PruBSN, para pekerja, pegawai, pengarah, ejen, rakan kongsi, rakan niaga, syarikat induk dan anak-anak syarikatnya yang berkenaan tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang ganti rugi, kerugian, kecederaan, hak, tuntutan atau tindakan berbangkit daripada atau berhubung dengan Kempen ini, atau akibat daripada penerimaan, pemilikan, penggunaan/penyalahgunaan hadiah, atau penyertaan Kempen ini, termasuk tanpa had, kecederaan diri, kematian, kerosakan harta benda dan tuntutan berdasarkan hak-hak publisiti, fitnah atau pencerobohan privasi.
- b) Setiap Peserta juga bersetuju bahawa PruBSN tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang penyertaan yang lewat (termasuk kelewatan penghantaran maklumat), diubah, diganti, tidak lengkap, tidak tepat, penghantaran yang salah, hilang, tertanggung, rosak, disalin atau sebaliknya adalah tidak mematuhi terma & syarat ini.

6. Pembatalan Kelayakan

- a) PruBSN berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta daripada Kempen ini jika ia didapati mengganggu proses penyertaan atau operasi Kempen *Revive Restore Retain* dan *Stay Protected*, atau bertindak melanggar atau berpotensi melanggar semua erma dan syarat ini.

- b) Keputusan PruBSN dalam perkara ini adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
- c) PruBSN berhak untuk menukar, mempelbagaikan, membatalkan, mengubah suai, menggantung atau menangguhkan Kempen *Revive Restore Retain* dan *Stay Protected* ini atas apa-apa sebab sekalipun.

7. Undang-Undang Anti-Rasuah dan Korupsi

Pelanggan yang layak mestilah mematuhi kesemua undang-undang yang berkaitan dengan anti-rasuah dan anti-korupsi, termasuk *Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009*, *US Foreign Corrupt Practices Act*, *the UK Bribery Act*, dan *Hong Kong Prevention of Bribery Ordinance*, berserta mana-mana undang-undang yang berkaitan dengannya. PruBSN berhak untuk membatalkan kelayakan pelanggan tanpa sebarang notis sekiranya pelanggan didapati terlibat dengan sebarang pelanggaran terhadap undang-undang tersebut dan yang berkaitan dengan penyertaan kempen ini.

8. Perlindungan Data Peribadi

Para Peserta dan PruBSN bersetuju bahawa sebarang penggunaan atau pendedahan maklumat terkandung di sini dan/atau melalui Kempen *Revive Restore Retain* dan *Stay Protected* ini (yang merangkumi dokumen perjanjian tambahan dan lain-lain dokumen sampingan) adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA"). PruBSN dan Peserta hendaklah mematuhi semua klausa PDPA. Sebarang data peribadi, termasuk sebarang data peribadi yang sensitif ("Data Peribadi") yang disediakan hendaklah diproses mengikut Polisi Privasi PruBSN yang dipaparkan di laman web korporatnya di www.prubsn.com.my.

9. Undang-Undang Pentadbiran

Kesemua terma dan syarat Kempen *Revive Restore Retain* dan *Stay Protected* ini akan ditadbir oleh undang-undang Malaysia. PruBSN berhak untuk menukar kriteria kelayakan, pemilihan pemenang dan pengagihan ganjaran dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak PruBSN. PruBSN juga berhak untuk meminda terma dan syarat ini, dan untuk menggantung, membatalkan atau mengubah cara Kempen *Revive Restore Retain* dan *Stay Protected* ini dianjurkan dengan atau tanpa sebarang notis kepada Peserta. Kaedah komunikasi (jika ada) mengenai penggantungan, pembatalan atau perubahan pertandingan ini akan disampaikan mengikut budi bicara mutlak PruBSN, termasuk tetapi tidak terhad kepada memaparkan informasi ini di dalam mana-mana laman web atau halaman media sosial PruBSN. Keputusan PruBSN ke atas apa-apa dan/atau semua perkara yang berkaitan dengan Kempen *Revive Restore Retain* dan *Stay Protected* ini termasuk pemilihan nama-nama pemenang, semua terma dan syarat di sini atau apa-apa pindaan terhadap kempen ini adalah muktamad, tetap, konklusif dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.